



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

18 November 2015

Kenyataan Media Dato' Hasan Ariffin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia berhubung salah faham penggunaan 'ayat cari makan' ketika sidang akhbar 18 November 2015.

Pada sidang akhbar Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia, hari ini, saya menyediakan MAKAN TENGAH HARI untuk para media dengan tujuan mengeratkan hubungan mesra antara saya selaku Pengerusi PAC bersama dengan para petugas media.

Ketika sidang media hampir tamat, saya menjemput para petugas media untuk MAKAN TENGAH HARI dan selepas itu secara bergurau saya bercakap 'saya pun cari makan' bagi mewujudkan suasana lebih mesra dengan petugas media.

Saya memaklumkan kepada petugas media bahawa percakapan saya itu mengenai 'saya pun cari makan' tidak harus dilaporkan disebabkan ia adalah sekadar gurauan kerana sebelum ini, saya menyatakan buat masa ini tidak perlu untuk memanggil Perdana Menteri.

Walaubagaimanapun, saya dapat portal berita The Malaysian Insider dan MalaysiaKini mengeluarkan berita mengenai percakapan 'saya pun cari makan' saya itu.

Saya berpendapat jika portal berita The Malaysian Insider, MalaysiaKini, mana-mana portal berita atau mana-mana akhbar menyiaran percakapan 'saya pun cari makan' itu ia adalah sesuatu yang tidak beretika, menjelaskan hubungan saya dengan petugas media serta reputasi saya selaku Pengerusi PAC dan ahli politik.